



# OREIENTASI PEMBELAJARAN DI KALANGAN PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM DI MALAYSIA DAN IMPLIKASI TERHADAP PENCAPAIAN DALAM AKADEMIK



SHahrin Hashim  
Prof. Madya Dr. Azizi bin Hj Yahaya  
Jamaluddin Ramli  
Ahmad Johari Sihes


FAKULTI PENDIDIKAN  
UTM



# PENGENALAN


---

- IPT bertanggungjawab melahirkan pelajar yang berpengetahuan, berkemahiran dan berakhhlak melalui pengajaran dan pembelajaran.
- Pembelajaran berlaku apabila rangsangan diproses oleh otak untuk menjadi pengalaman yang kemudian digunakan untuk sesuatu tingkah laku atau tindakan.
- Pelajar masa kini menghadapi masalah pembelajaran dari segi teknik, strategi, cara, kaedah dan gaya pembelajaran.
- Gaya pembelajaran membolehkan seseorang mengalami proses pembelajaran dengan berkesan.



## LATAR BELAKANG MASALAH


- Pada masa kini, kebanyakan pelajar di institusi pengajian tinggi memperolehi pencapaian akademik yang mendatar dan di bawah tahap yang sepatutnya.
- Gaya pembelajaran pelajar berkait rapat dengan kaedah pengajaran pendidik, bahan, sikap pendidik dan keadaan sekitar.
- Kecemerlangan dalam pencapaian akademik bukan hanya bergantung kepada kepandaian dan rajin sahaja tetapi juga bergantung kepada cara pembelajaran yang berkesan.



## PERNYATAAN MASALAH


---

- Gaya pembelajaran sangat penting bagi setiap pelajar kerana ia mempunyai daya pengaruh yang kuat terhadap pencapaian akademik.
- Gaya pembelajaran menyediakan suatu mekanisme pembelajaran yang dapat memberi cabaran yang betul kepada pelajar dan menyediakan maklum balas yang tepat terhadap pencapaian akademik mereka.
- Kajian ini adalah untuk mengenal pasti pola gaya pembelajaran di kalangan pelajar institut pengajian tinggi awam (IPTA) Malaysia yang dominan iaitu persekitaran, emosional, sosiologikal, fizikal dan psikologikal dan implikasinya terhadap pencapaian akademik mereka.




## OBJEKTIF KAJIAN

- Mengenal pasti pola gaya pembelajaran di kalangan pelajar IPTA di Malaysia yang dominan iaitu persekitaran, emosional, sosiologikal, fizikal, dan psikologikal.
- Mengenal pasti tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.
- Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.




## KEPENTINGAN KAJIAN

- Pensyarah dapat mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar untuk menilai jurang perbezaan antara kaedah pengajaran mereka dengan gaya pembelajaran pelajar.
- pensyarah dapat membaiki kaedah pengajarannya untuk menyesuaikan gaya pembelajaran pelajar supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat berlaku dengan berkesan.
- Pelajar dapat mengenalpasti gaya pembelajaran tersendiri untuk mencapai pencapaian akademik yang cemerlang.



# METODOLOGI KAJIAN

- 
- 1. REKA BENTUK KAJIAN;**
    - Alat penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik untuk memperolehi maklumat dan data yang diperlukan.
    - Maklumat pembolehubah-pembolehubah yang berkait dengan gaya pembelajaran pelajar dikumpulkan dalam kajian ini.



# METODOLOGI KAJIAN

---

## 2. SAMPEL KAJIAN


Seramai 250 orang pelajar yang berbeza kursus dari empat universiti yang berlainan iaitu UTM, UKM, UPM dan KUiTTHO telah diambil sebagai sampel kajian.

## 3. INSTRUMENTASI

Instrumen kajian yang digunakan adalah inventori yang direka oleh Dunn & Dunn.


Satu set borang soal selidik diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan.

# PERBINCANGAN



## **Pola Gaya Pembelajaran Pelajar IPTA di Malaysia yang Dominan**


- 1. Pola gaya pembelajaran pelajar yang paling dominan adalah sosiologikal iaitu mempunyai nilai min sebanyak 3.7050**
- 2. Seterusnya diikuti dengan nilai min bagi pola gaya pembelajaran psikologikal (3.6112), emosional (3.5291), fizikal (3.4487) dan persekitaran (3.1879).**
- 3. Ini jelas menunjukkan pola gaya pembelajaran sosiologikal berada pada yang tinggi manakala, pola gaya pembelajaran yang lain adalah berada pada tahap yang sederhana.**



## PERBINCANGAN

**Mengenal pasti tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar IPTA di Malaysia**


- 1. Tahap pencapaian akademik responden berada pada tahap yang tinggi iaitu seramai 60.4 peratus (151) responden berbanding dengan tahap yang sederhana iaitu 34 peratus (85) responden dan**
- 2. Tahap cemerlang ialah 5.2 peratus (13) responden.**
- 3. Tahap pencapaian akademik responden yang berada pada tahap rendah adalah .4 peratus (1) responden sahaja.**



## PERBINCANGAN

Mengenal pasti hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik di kalangan pelajar IPTA di Malaysia


- Pola gaya pembelajaran sosiologikal dan psikologikal mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik
- Walau bagaimanapun, kekuatan perhubungan yang ditunjukkan oleh kedua-duanya sangat lemah dan songsang.
- Pola gaya pembelajaran persekitaran, emosional dan fizikal pula tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik.



## PERBINCANGAN

Mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut kursus di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

- Tiada perbezaan yang signifikan (.825) bagi gaya pembelajaran mengikut kursus responden, yakni nilai min bagi antara kumpulan adalah .062 dan nilai min bagi dalam kumpulan adalah .106.
- Keputusan analisis menunjukkan hipotesis nol persoalan kajian ini diterima.




## PERBINCANGAN

Mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut jantina di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

- Hasil kajian menunjukkan nilai min bagi responden lelaki ialah 3.5204, manakala bagi responden perempuan ialah 3.4821.

Mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut umur di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.


- Tiada perbezaan yang signifikan (.106) bagi gaya pembelajaran dengan umur responden di mana nilai min bagi antara kumpulan dan dalam kumpulan adalah .166 dan .101.



## PERBINCANGAN


Mengenal pasti perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut tahap pendidikan tertinggi di kalangan pelajar IPTA di Malaysia.

- Kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan (.002) bagi gaya pembelajaran mengikut tahap pendidikan tertinggi responden yakni nilai min antara kumpulan ialah .643 dan .099 bagi dalam kumpulan.
- Hasil analisis juga jelas menunjukkan hipotesis nol persoalan kajian ini adalah ditolak.



## RUMUSAN

Hasil analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik responden.



**SEKIAN  
TERIMA KASIH**